

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Othman bin Aziz
[Jerlun]**

NO. SOALAN : 15

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah bilangan Mini RTC (Pusat Transformasi Luar Bandar) di Kedah dan sejauh manakah Mini RTC ini dapat membantu golongan peniaga Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sebanyak 31 buah Mini RTC yang sedang beroperasi di Kedah. Senarai Mini RTC tersebut adalah seperti di **Lampiran 1.**

Pelbagai program dirangka dan dilaksanakan di Mini RTC seluruh negara termasuk negeri Kedah untuk penduduk kampung yang turut juga melibatkan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Program yang dijalankan merangkumi program keusahawanan yang melibatkan kolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti MARA, FAMA, Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani (MOA) serta institusi kewangan bagi mendedahkan golongan usahawan kepada kemudahan dan peluang pasaran yang lebih luas serta kepelbagaian kaedah promosi.

Di samping itu, Mini RTC turut menjalankan aktiviti Latihan Kemahiran Desa seperti pembuatan produk, peningkatan kemahiran dan perkongsian kemudahan teknologi terkini dalam pemprosesan. Usaha ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan IKS kampung sedia ada seterusnya membantu mengembangkan perniagaan mereka. Pada masa yang sama, usaha ini dapat menggalakkan penduduk kampung menceburi bidang usahawan bagi menjana pendapatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah insiatif NBOS 8, Mini RTC merupakan rantaian dalam program Hubungan Strategik UTC-RTC-Mini RTC (*'strategic linkages'*). Melalui program ini, Mini RTC berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran produk IKS dan dihubungkan terus kepada RTC dan UTC Negeri. Ini memberi peluang pasaran baharu yang lebih besar, mudah dan pantas kepada produk IKS. Kementerian ini mendapat kerjasama dari agensi MOA seperti FAMA, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk mengenalpasti keperluan-keperluan asas bagi menjayakan inisiatif ini.

SENARAI MINI RTC NEGERI KEDAH

BIL.	MINI RTC	DAERAH	MUKIM
1	Bujang	Kuala Muda / Bedong	Bujang
2	Tukang Jusoh	Kuala Muda	Bukit Meriam
3	Seberang Kota	Kota Setar	Kuala Kedah
4	Desa KEDA Kg. Bukit	Pokok Sena	Bukit Lada
5	Teluk Teduri	Baling	Pulai
6	Ulu Legong	Baling	Siong
7	FB Weng	Baling	Siong
8	Kledang	Baling	Kupang
9	Padang Dan	Baling	Kupang
10	Ulu Bakai	Baling	Bakai
11	Jelutung	Sik	Sik
12	Bendang Man	Sik	Sik
13	Gulau	Sik	Sik
14	Sungai Semiar	Sik	Jeneri
15	Sg. Itau	Langkawi	Ayer Hangat
16	Bukit Kura	Padang Terap	Pedu
17	Pekan Naka	Padang Terap	Tekai
18	Pasir Putih	Padang Terap	Tuolak
19	Paya Semambu	Bandar Baharu	Relau
20	Sg. Tengas	Bandar Baharu	Kuala Selama
21	Sungai Salleh	Bandar Baharu	Serdang
22	Singkir Laut	Yan	Singkir
23	Padang Lumat	Yan	Sungai Daun
24	Nagalilit	Kulim	Nagalilit
25	Bagan Sena	Kulim	Bagan Sena
26	Dingin	Kulim	Mahang
27	Tanjong Sentol	Pendang	Ayer Puteh
28	Desa KEDA Sg. Tiang	Pendang	Padang Kerbau
29	Desa KEDA Batu 13	Pokok Sena	Gajah Mati
30	Bemban	Baling	Telui Kanan
31	Padang Gelanggang	Padang Terap	Kuala Nerang

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

SOALAN : 16

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan di pihak Kementerian untuk memastikan perkhidmatan bas ekspres dan bas catar selamat untuk dinaiki dan bagaimanakah pihak Kementerian mengekang pemandu-pemandu bas ekspres yang melakukan kesalahan-kesalahan jalan raya dan juga terlibat dalam penggunaan dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menguatkuasakan pelaksanaan *Industrial Code of Practice - Safety, Health & Environment* (ICOP-SHE) sejak tahun 2010 dalam memastikan satu sistem pengurusan yang selamat dilaksanakan oleh pengendali bas dalam operasi sehari-hari mereka. Sistem tersebut merangkumi pengurusan organisasi yang teratur, pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan dan pengurusan risiko dan perjalanan. Pelaksanaan ICOP-SHE ini adalah menjadi salah satu keperluan syarat permit yang perlu dipatuhi oleh semua pengendali.

Kegagalan mematuhi pelaksanaan ICOP-SHE ini, boleh menyebabkan lesen pengendali digantung sehingga pematuhan dilaksanakan dengan berkesan. Kegagalan memenuhi keperluan yang dinyatakan boleh mengakibatkan permit kenderaan berkenaan dibatalkan. Setelah pematuhan ini dibuat, pihak SPAD akan menjalankan audit dan penggantungan lesen akan ditarik balik sekiranya semua aspek dipatuhi oleh pihak pengendali. Tindakan ini akan dilakukan secara berterusan dan tindakan pembatalan lesen akan dilakukan sekiranya terdapat elemen kecuaian walaupun peringatan telah diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani isu pengambilan dadah oleh pemandu bas semasa memandu, Kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasa seperti Agensi

Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mempergiatkan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Pihak JPJ bersama-sama dengan AADK dan PDRM telah mengambil tindakan dengan menjalankan pemeriksaan ujian air kencing (*urine test*) secara rawak terhadap pemandu-pemandu bas ekspres pada setiap hari, bermula 22 April 2014 di terminal-terminal bas di seluruh negara. Sekiranya didapati pemandu bas berkenaan positif dadah, lesen memandu pemandu bas tersebut akan ditahan bagi mengelakkannya memandu di bawah pengaruh dadah dan membahayakan keselamatan penumpang dan pengguna jalan raya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan juga bercadang untuk melaksanakan program penarafan bintang (*Safety Star Grading*) secara mandatori terhadap pengendali bas dalam memastikan aspek keselamatan diutamakan dalam operasi mereka. Melalui program ini, pengendali bas akan dinilai dan diberi penarafan melalui tahap pelaksanaan sistem ICOP-SHE oleh pengedali tersebut. Langkah ini juga dapat memastikan pengguna-pengguna membuat pilihan perkhidmatan bas yang digunakan mengambil kira kriteria yang paling utama iaitu tahap keselamatan operasi. Program ini juga berupaya mewujudkan saingen yang positif dikalangan pengendali bas dan meletakkan industri pengangkutan bas menjadi kompetitif.